

Perundangan Berkaitan Pendisiplinan Pelajar Sekolah Tahfiz di Malaysia

BITARAVolume 3, Issue 1, 2020: 054-071
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>**Nur 'Izzati Ahmad Fisol¹ & Mohd Al Adib Samuri¹****Abstrak**

Dewasa kini, pelbagai tohmahan yang terpapar di dada akhbar dan media massa mengenai sekolah tahfiz iaitu institusi keagamaan yang menerapkan ilmu duniawi dan ukhrawi dalam mendisiplinkan para pelajar dengan menggunakan rotan bagi mendidik mereka. Oleh yang demikian, objektif penulisan artikel ini ialah untuk mengenal pasti undang-undang atau peraturan yang diguna pakai oleh sekolah tahfiz di Malaysia dalam mendidik dan mendisiplinkan para pelajar mereka. Dalam penulisan artikel ini, metodologi secara kualitatif telah diguna pakai dengan menganalisis pandangan-pandangan berkaitan pendisiplinan pelajar menurut syarak dan perundangan di Malaysia. Data yang terkumpul di analisis berdasarkan kaedah deskriptif dan tematik. Artikel ini dihasilkan bagi mengetahui sejauh mana cara mendisiplinkan para pelajar menurut syarak dan undang-undang di Malaysia dengan menggunakan rotan dan alternatif lain dalam mendidik pelajar di sekolah tahfiz sama ada bersesuaian dengan fasal di bawah United Nation Child Right Convention (UNCRC). Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat undang-undang yang khusus terhadap sekolah Tahfiz di Malaysia terhadap pendisiplinan pelajar dengan menggunakan rotan dan alternatif lain dalam mendidik para pelajar. Penggunaan rotan hanya sebagai simbol pendisiplinan agar pelajar lebih terdidik dan berdisiplin dalam pembelajaran dan pengajian mereka.

Kata kunci:

Kata Kunci

Peraturan, Pendisiplinan, Sekolah Tahfiz, Rotan, Alternatif, United Nation Child Right Convention (UNCRC).

Cite This Article:Nur 'Izzati Ahmad Fisol & Mohd Al Adib Samuri. 2020. Perundangan berkaitan pendisiplinan pelajar sekolah tahfiz di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 054-071.

Pengenalan

Dalam memperolehi kejayaan bagi seseorang pelajar, bukan hanya kesungguhan dan tumpuan dalam kelas sahaja yang menjadi tunggak terhadap kejayaan mereka bahkan pembentukan disiplin dalam diri juga amat penting bagi setiap pelajar. Oleh yang demikian, bagi membentuk para pelajar yang mempunyai jati diri yang tinggi pelbagai pihak seharusnya memainkan

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:MOHD AL ADIB SAMURI, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam (FKI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA,
E-mail: al_adib@ukm.edu.my

peranan dengan melihat tindakan undang-undang yang bersesuaian di ambil terhadap para pelajar yang bermasalah.

Isu disiplin ini timbul apabila terdapat segelintir guru yang tidak bertanggungjawab dalam mendisiplinkan pelajar dengan menggunakan kekerasan tanpa sebarang rujukan dalam memberi pengajaran kepada pelajar. Justeru itu, terdapat undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2012 dengan meletakkan garis panduan serta tindakan yang dikenakan terhadap pelajar dengan melihat kepada Tatacara Disiplin Murid Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959. Akan tetapi, kuasa merotan pelajar hanya diberikan kepada guru besar dengan menjadi wakil bagi kuasa menjalankan hukuman yang termaktub di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003: Kuasa Guru Merotan Murid. Berdasarkan perkara 2 di bawah CRC semua kanak-kanak mempunyai hak dan adalah menjadi tanggungjawab Negara untuk memastikan kanak-kanak dilindungi daripada sebarang bentuk diskriminasi. Perkara ini turut dapat dikaitkan dengan permasalahan disiplin yang berlaku, jika seseorang pelajar dibuli atau mendapat tekanan sama ada secara psikologi atau fizikal perlulah di ambil tindakan terhadap pihak berkenaan agar kanak-kanak tersebut dilindungi (Chiam Heng Keng 2008). Isu disiplin di Sekolah Tahfiz boleh dikaitkan berdasarkan perkara 28 (2) CRC yang menyatakan mengenai disiplin kanak-kanak di sekolah ditadbirkan cara yang selaras dengan memuliakan kanak-kanak dan dengan menepati Konvensyen ini.

Oleh itu, dalam mendisiplinkan para pelajar khususnya Sekolah Tahfiz di Malaysia, pendekatan hukuman dengan menggunakan rotan telah digunakan sebagai salah satu medium atau alat untuk mendisiplinkan dan mendidik para pelajar agar menjadi insan yang lebih berguna di masa hadapan kelak. Amalina (2017) turut menyatakan hukuman rotan di sekolah masih relevan bagi tujuan mendidik dan mendisiplinkan pelajar walaupun banyak negara khususnya di barat sudah memansuhkan hukuman rotan di sekolah akan tetapi dalam konteks negara-negara di timur termasuk Malaysia, hukuman rotan di sekolah masih diperlukan.

Hasil kajian dari beberapa buah sekolah Tahfiz di sekitar Selangor dan Kedah mendapati bahawa kebanyakan sekolah Tahfiz tiada undang-undang yang menjadi penanda aras atau undang-undang yang khusus terhadap sekolah Tahfiz dalam melaksana pendisiplinan terhadap pelajar terutamanya hukuman disiplin menggunakan rotan. Akan tetapi mereka menggunakan panduan daripada Peraturan –Peraturan Pelajar 1959 dalam mendidik serta mendisiplin pelajar di Sekolah Tahfiz. Malah, penggunaan rotan hanya sebagai simbol mendisiplinkan pelajar supaya pelajar berasa gementar dalam melakukan kesalahan.

Oleh yang demikian itu, pelbagai persoalan yang timbul sama ada penggunaan rotan dalam mendidik memberi kesan atau tidak dalam mendisiplinkan para pelajar di sekolah tahfiz dan adakah terdapat undang-undang atau peraturan yang membenarkan sekolah Tahfiz menggunakan rotan dalam mendidik mereka mendapat kebenaran undang-undang oleh pihak kerajaan atau dibenarkan menurut CRC?

Disiplin di Sekolah

Sekolah adalah sebuah institusi pendidikan yang menyediakan tempat untuk mendidik dan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Menurut Rahmah (2006), program-program pendidikan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran adalah selaras dengan kehendak

Falsafah Pendidikan Negara bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dari sudut jasmani, emosi, akhlak, disiplin, beriman dan bebas dari melakukan perkara-perkara yang menyalahi peraturan yang ditetapkan. Oleh itu, bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan sekolah tersebut perlu menerapkan disiplin yang tegas keatas para pelajar. Masalah disiplin pelajar merupakan isu universal yang dihadapi oleh kesemua sekolah di dunia dan perkara ini bukanlah perkara yang baru dihadapi oleh kebanyakan sekolah begitu juga di Malaysia (Cotton 2001).

Disiplin didefinisikan sebagai peraturan yang telah ditetapkan terhadap manusia agar berkelakuan baik dan latihan pemikiran serta kelakuan supaya dapat mengawal diri sendiri dan patuh pada tatatertib (Kamus Dewan, 2005). Selain itu, disiplin di sekolah dapat diterangkan sebagai peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar sebagai tujuan untuk mengawal tingkah laku melalui hukuman atau ganjaran yang setimpal (Abdullah Sani Yahaya, 2005).

Menurut Walker (2014) disiplin turut dinyatakan sebagai kesanggupan pelajar dalam mematuhi peraturan yang menjadi model tingkah laku pimpinan sekolah. Bagi perspektif Islam, tingkah laku, perangai atau tabiat dirangkum secara bersama yang membawa maksud kepada disiplin seseorang. Selain itu, bagi membolehkan seseorang individu mengikut keputusan, perintah dan peraturan yang berlaku, individu tersebut perlulah patuh, hormat dan melaksanakan peraturan dengan disiplin yang tegas (Hasnan Kasan, 2008). Dengan kata lain, setiap disiplin atau peraturan yang wujud perlunya sikap untuk mentaati peraturan dan ketentuan yang ditetapkan tanpa sebarang bantahan (al- Ghazali, 1998). Menurut Mohd Faizal et.al (2014), disiplin turut dimaksudkan sebagai suatu kaedah membangunkan peribadi diri seseorang untuk melahirkan sebuah persekitaran yang selesa. Kesannya, sesuatu aktiviti lain dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan.

Penglibatan pelajar dalam masalah disiplin mengundang pelbagai spekulasi oleh masyarakat secara berterusan. Hal ini kerana, masyarakat beranggapan bahawa para pelajar merupakan generasi pelapis masa hadapan dalam menyumbang kearah pembangunan dan kesejahteraan Negara (Khaidzir Ismail, 2007).

Menurut Englander (1987), seriusnya masalah disiplin ini disekolah kerana terbukti apabila 80 peratus masa guru diperuntukkan dalam menguruskan disiplin pelajar. Terdapat juga sarjana dan penyelidik yang beranggapan bahawa tingkah laku yang tidak berdisiplin dalam kalangan pelajar adalah kerana kegagalan ibu bapa dan guru-guru dalam menerapkan gaya pengajaran yang lebih mementingkan nilai dan moral yang mantap (Bennett 1994). Terdapat banyak faktor yang menyebabkan para pelajar sekolah melakukan perbuatan-perbuatan melanggar peraturan sekolah dan faktor-faktor ini secara lazimnya dibahagikan kepada faktor sekolah dan faktor luar sekolah seperti persekitaran, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan banyak lagi. Manakala faktor luar sekolah ini adalah amat kompleks dan sukar di atasi serta diluar kawalan kita (Khalim 2004). Oleh yang demikian, tugas kita seharusnya tertumpu kepada faktor di sekitar sekolah yang mana dapat dikawal dan diubah seperti wujudnya suasana yang baik dalam sekolah dan bilik darjah (Liong 2005).

Berdasarkan kajian kementerian, jumlah murid yang terbabit dalam permasalahan disiplin di seluruh negara adalah pada kadar 2.03 peratus setahun dalam tempoh lima tahun bermula 2012 hingga 2016. Antara kes disiplin yang direkodkan adalah termasuk kelakuan berunsur jenayah, buli, kelucahan, ponteng sekolah dan kes disiplin ringan seperti kekemasan diri, tidak pentingkan masa dan kurang sopan. Pada tahun 2016, seramai 111, 895 orang murid terlibat

dengan salah laku disiplin iaitu 95, 046 orang membabitkan pelajar sekolah menengah dan 16, 849 orang adalah murid sekolah rendah (Mohd Husni 2017).

Masalah disiplin para pelajar kadangkala boleh memberi impak yang sangat serius. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat sendiri menyatakan bahawa masalah disiplin dikalangan pelajar disana telah menyebabkan berlakunya keganasan seperti penggunaan senjata seperti senjata api bagi mencederakan orang lain (Benbenishty & Astor 2005). Manakala di negara kita, perkara sedemikian belum lagi berlaku, akan tetapi sekiranya masalah ini tidak dibendung tidak mustahil peristiwa sedemikian akan berlaku. Sekiranya sesuatu masalah disiplin dilakukan oleh seorang pelajar secara berulang kali setelah diberi peringatan, nasihat dan kaunseling, pelajar tersebut akan dianggap sebagai pelajar yang berada dibawah masalah disiplin tegar (Khalim 2004). Pelajar yang berada dalam kategori ini agak bahaya jika dibiarkan dengan tingkah laku sedemikian. Kebiasaannya pelajar yang menghadapi masalah disiplin yang berat akan berakhir dengan tindakan dibuang sekolah setelah menjalani proses kaunseling, amaran, perbincangan dengan ibu bapa dan digantung persekolahan (Ismail 2005).

Pelajar merupakan generasi belia remaja, yang bakal mencorakkan masa depan negara sama ada menjadi lebih baik atau sebaliknya. Kenyataan ini tidak dapat disangkal lagi kerana mereka adalah asset kekayaan semula jadi yang bakal memegang peranan penting dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan negara. Namun demikian, masalah disiplin remaja atau pelajar sekolah adalah ancaman sumber tenaga manusia yang merugikan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu kesemua masalah disiplin serta salah laku yang dihadapi oleh para remaja harus dibendung dan diatasi supaya tidak terus mengancam asset yang tidak ternilai ini.

Penggunaan Hukuman Rotan dalam Mendidik

Hukuman merotan pelajar menjadi perkara yang amat dititikberatkan oleh pelbagai pihak terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pihak guru, dan ibu bapa. Tambahan lagi, keberkesanan merotan pelajar dalam mengawal disiplin pelajar juga sering dipertikaikan. “Hukuman merotan” merujuk kepada denda yang dilaksanakan di sekolah-sekolah, iaitu menyebat pelajar-pelajar yang melanggar peraturan sekolah (Chia 2009).

Manakala, menurut Kamus Dewan (2010), hukuman merotan pula membawa maksud menyebat atau memukul pesalah dengan menggunakan rotan sebagai satu hukuman. Hukuman rotan juga turut dinyatakan sebagai perihal hukuman terhadap kesalahan serius dengan penggunaan rotan (Luqman Baihaqim, 2008). Selain itu, hukuman rotan turut didefinisikan sebagai apa-apa hukuman yang menyebabkan sedikit kesakitan dan ketidakselesaan terhadap mana-mana daya fizikal digunakan (Laporan Hak Asasi Manusia 2011).

Jika seseorang murid disabitkan kesalahan, penggunaan hukuman rotan turut diertikan sebagai tindakan dera setakat yang dibenarkan dengan menggunakan rotan sebagai alat hukuman. Hukuman rotan juga merupakan kaedah mengubah tingkah laku dengan tindakan disengajakan untuk memberi kesakitan fizikal.

Dalam konteks pendidikan, kesalahan yang dilakukan oleh pelajar iaitu kesalahan ketika berada dalam bilik darjah, tidak membuat kerja sekolah atau ponteng sekolah tanpa alasan yang kukuh menyebabkan hukuman amaran ke atas pelajar dikenakan dengan menggunakan hukuman rotan turut dinyatakan oleh Ahmad Hj Abu (1997). Oleh yang demikian, kesakitan

fizikal yang dibenarkan bagi tujuan mendidik, mengubah tingkah laku serta menyedarkan pelajar yang bersalah adalah dengan menggunakan sebatang rotan sebagai hukuman.

Salah satu laporan yang ditulis oleh Harits Asyraf Hasnan (2018), menyatakan bahawa pelaksanaan hukuman rotan merupakan tindakan terakhir terhadap pelajar selepas amaran dan denda dilaksanakan dalam membendung masalah disiplin dan salah laku di sekolah. Manakala, imbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan pula menegaskan bahawa tindakan merotan tidak boleh dilaksanakan secara sewenang-wenangnya dan tindakan itu perlu seiring dengan prosedur operasi standard (SOP). Menurut beliau lagi terdapat tiga proses perlu dilakukan sebelum sampai kepada hukuman merotan iaitu pertama amaran, kedua proses denda dan penahan dan yang ketiga hukuman rotan (Harits Asyraf Hasnan 2018).

Oleh itu, guru-guru tidak boleh menggunakan rotan sebagai salah satu jalan keluar jika terdapatnya masalah disiplin. Malah perbuatan merotan para pelajar tidak boleh dibuat secara lepas dan terbuka di hadapan ramai orang. Kalau pun rotan dikenakan ke atas kesalahan yang dilakukan, hukuman alternatif tidak seharusnya bersifat mendera dan mengaibkan. Bagi remaja yang semakin meningkat naik, mereka akan menjadi lebih sensitif sekiranya dirinya diabkan lebih-lebih lagi dikhalayak ramai. Jiwa yang melawan akan bertambah tinggi (Chia 2009). Oleh itu, tindakan merotan seharusnya digunakan sebagai jalan terakhir apabila menghukum pelajar. Bahkan perbuatan merotan harus dilakukan dalam batasan mendidik, bukannya dilakukan semata-mata untuk melepaskan geram dan keterlaluan.

Beberapa garis panduan atau prosedur standard (SOP) yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai panduan kepada pentadbir dan guru sekolah dalam melaksanakan hukuman rotan. Kuasa merotan murid telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak sekian lama. Kuasa ini telah diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, di bawah Ordinan Pelajaran 1957. Dalam peraturan 6 dinyatakan dengan jelas bahawa:

“Guru Besar sesebuah sekolah boleh dari semasa ke semasa, tertakluk kepada apa-apa syarat dan hal yang difikirkannya patut, mewakili kuasa disiplin sekolah dan kuasa menjalankan hukum kepada guru-guru lain di sekolah itu atau kepada murid-murid yang ditetapkan olehnya bagi maksud itu, tetapi kecualian yang disebut di atas tidak seorang pun guru atau murid boleh menjalankan kuasa itu melainkan dengan arahan tertentu”.

Undang-undang yang Diguna Pakai dalam Mendidik dan Mendisiplinkan Para Pelajar Sekolah Tahfiz di Malaysia

Undang-undang berperanan sebagai mekanisme pencegahan, maka kewujudan peruntukan undang-undang seharusnya berkesan dalam menangani disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah tahfiz di Malaysia.

Dalam konteks undang-undang dan peraturan disiplin sekolah di Malaysia terutamanya sekolah tahfiz di bawah KPM, telah dipraktikkan berdasarkan kepada tiga rujukan utama (Nasrul Hisyam & Zarina 2017) iaitu:

1. Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, iaitu peraturan yang dibuat berdasarkan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 116, Ordinan Pelajaran 1957.
2. Buku-buku panduan pengurusan disiplin yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Surat-surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia secara terbuka dan berkala.

Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 atau lebih dikenali dengan Peraturan 1959 merupakan sebuah peraturan induk pengurusan disiplin sekolah-sekolah di seluruh Malaysia melainkan sekolah yang dikecualikan daripada pendaftaran di bawah seksyen 114(2) Ordinan Pelajaran 1957, dan sekolah gaya pos (Peraturan 1). Menurut James Ang Jit Eng (2011), antara perkara utama yang diterangkan dalam Peraturan 1959 adalah seperti berikut:

- a. Guru besar adalah orang yang bertanggungjawab ke atas disiplin sekolah (Peraturan 4):

“Guru Besar sesebuah sekolah adalah bertanggungjawab atas disiplin sekolah dan bagi maksud itu hendaklah mempunyai kuasa ke atas Guru-Guru dan murid-murid sekolah itu.”

- b. Perwakilan kuasa oleh guru besar kepada guru lain dalam tindakan disiplin (Peraturan 6):

“Guru Besar sesebuah sekolah boleh dari semasa ke semasa, tertakluk kepada apa-apa syarat dan hal yang difikirkannya patut, mewakili kuasa disiplin sekolah dan kuasa menjalankan hukum kepada Guru-Guru lain di sekolah itu atau kepada murid-murid yang ditetapkan olehnya bagi maksud itu, tetapi kecuali yang disebut di atas tidak seorang pun Guru atau murid boleh menjalankan kuasa itu melainkan dengan arahan tertentu.

Dengan syarat bahawa kuasa menjalankan hukuman dera tidak boleh diwakilkan kepada mana-mana orang selain daripada guru berdaftar.”

- c. Tatacara hukuman rotan (Peraturan 5):

“(1) Bagi maksud menjaga disiplin di kalangan murid-murid, Guru Besar hendaklah mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang biasa sebagaimana perlu atau bermanfaat:

Dengan syarat bahawa:

- (a) Hukuman dera kepada murid-murid perempuan adalah dilarang : dan
- (b) Hukuman dera kepada murid-murid lelaki oleh seseorang Guru atau lain kakitangan sekolah adalah dihadkan kepada merota dengan rotan yang ringan

di tapak tangan ataupun di punggung yang berlapis dengan pakaian dan hendaklah dijalankan dengan kuasa nyata yang diberi olehnya dalam hal yang tertentu.

- (2) satu rekod mengandungi semua hukuman yang dijalankan di bawah perenggan hendaklah disimpan secara sulit mengikut bentuk yang diluluskan oleh Pendaftar.”
- d. Kuasa guru besar dalam menggantung persekolahan atau membuang sekolah terhadap murid atas kesalahan disiplin (Peraturan 8, 11, dan 12):
8. Pada bila-bila masa sahaja didapati dengan memuaskan hati Guru Besar sesebuah sekolah –
 - (a) Sebagai perlu dan dikehendaki bagi maksud menjaga disiplin atau ketenteraman di mana-mana sekolah yang seseorang murid patut digantungpersekolahannya ataupun dibuang sekolah; atau
 - (b) Yang seseorang murid melanggar peruntukan-peruntukan peraturan 7. Ia boleh dengan perintah menggantung murid itu dari sekolah.
11. Sijil berhenti sekolah tiap-tiap murid yang dibuang sekolah di bawah peruntukan-peruntukan peraturan 8 atau 9 hendaklah dicatat oleh Guru Besar dengan catatan yang menyatakan murid itu telah dibuang sekolah di bawah peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini.
12. seseorang murid yang telah dibuang sekolah dengan perintah yang dibuat dibawah peraturan 9 tidak boleh selepas itu, (melainkan jika perintah itu telah terlebih dahulu dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang membuatnya).
 - (a) masuk atau dibenarkan masuk ke dalam kawasan sekolah itu; atau
 - (b) diterima masuk sebagai seorang murid di mana-mana sekolah lain, tanpa kebenaran Pendaftar Besar”

Sementara itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerbitkan beberapa buku panduan bagi memberi garis panduan berkaitan dengan disiplin disekolah bagaimana untuk mengurusnya. Terbitnya buku-buku ini bertujuan untuk menghuraikan Peraturan 1959 dalam bentuk operasi. Buku-buku ini diterbitkan dan diedarkan ke semua sekolah di bawah KPM termasuklah sekolah tahfiz untuk panduan pentadbir sekolah, guru-guru, murid-murid, malah ada buku khusus untuk ibu bapa. Antara tujuan sebenar buku ini diterbitkan adalah sebagaimana berikut (James Ang Jit Eng 2011):

- a. Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah (1981)
- b. Panduan Bagi Ibu Bapa Mengenai Disiplin Murid-Murid Sekolah (1982)
- c. Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru (1983)
- d. Panduan Disiplin untuk Pelajar-pelajar (1988)

- e. Panduan Bagi Mengatasi Masalah Ponteng (1994)
- f. Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah (2005)

Selain Peraturan 1959 dan buku-buku panduan yang dikeluarkan bagi menangani masalah disiplin di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia juga mengeluarkan pekeliling-pekeliling dari masa ke semasa bagi memberi panduan kepada pentadbir berkenaan peraturan dan undang-undang berkaitan dengan disiplin. Antara pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dalam jadual di bawah (Mohd. Ismail Othman 2008):

Jadual 1 Senarai Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia
Sumber: Nasrul Hisyam & Zarina Rashid 2017.

| Bil | Nama Pekeliling Ikhtisas | Tarikh Dikeluarkan |
|-----|---|--------------------|
| 1 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1968: Pembangunan Murid-murid daripada Sekolah-sekolah kerana Kelakuan Curang | 10 September 1968 |
| 2 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1968: Tata tertib di Sekolah-sekolah | 18 September 1968 |
| 3 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1972: Peraturan-peraturan tata tertib di Sekolah Pelajaran, 1959 | 4 Februari 1972 |
| 4 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6A/1975: Disiplin: Murid-murid Menghisap Rokok | 5 September 1975 |
| 5 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1957: Salah Guna Dadah – Garis Panduan untuk Guru Panduan dan Guru Besar | 19 Ogos 1975 |
| 6 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975: Disiplin di Sekolah – Peraturan-peraturan Sekolah untuk Murid-murid | 4 November 1975 |
| 7 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975: Perkara-perkara Tataertib yang Dianggap Berat | 4 November 1975 |
| 8 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1976: Pameran /Ceramah Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Sekolah-sekolah | 5 Januari 1976 |
| 9 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976: Potongan Rambut Murid-murid | 7 Januari 1976 |
| 10 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/1976: Mengharamkan Semua Jenis Permainan Judi di Sekolah-sekolah | 9 Oktober 1976 |
| 11 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1979: Laporan Murid-murid dalam Keadaan Risiko Penyalahgunaan Dadah yang Memerlukan Pertolongan | 26 Mac 1979 |
| 12 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/ 1983:Garis Panduan Kempen Anti Merokok Di Sekolah-sekolah | 25 Februari 1983 |
| 13 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1983: Mengenakan Hukuman Biasa Terhadap Murid-murid Yang Melakukan Perbuatan Salahlaku Yang Tidak Dinyatakan Dalam Peraturan-peraturan Pelajaran | 7 November 1983 |

| | | |
|----|--|-------------------|
| 14 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1986: Langkah-langkah Keberkesanan Disiplin Sekolah | 1 Ogos 1986 |
| 15 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/ 1986: Penyalahgunaan Inhalan | 29 Disember 1986 |
| 16 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1993: Laporan Kepada Polis Salah Laku berbentuk Jenayah | 15 Februari 1993 |
| 17 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995: Menangani Masalah Ponteng di Sekolah | 5 September 1995 |
| 18 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1995: Tatacara Mengenakan Tindakan dan Hukuman terhadap Pelajar-pelajar Sekolah | 5 September 1995 |
| 19 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman di Sekolah | 3 September 1996 |
| 20 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1997: Hukuman ke atas Murid Menghisap Rokok | 22 Mei 1997 |
| 21 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1997: Sekolah sebagai Kawasan Larangan Merokok | 22 Mei 1997 |
| 22 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/1998: Menangani Kegiatan Gangster di Sekolah | 6 Ogos 1998 |
| 23 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 18/1998: Penggunaan Budi Bicara ketika Mengambil Tindakan | 2 September 1998 |
| 24 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2000: Menangani Masalah Keselamatan, Dadah dan Gangster | 14 Mac 2000 |
| 25 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.11/2000: Membentaras Jenayah di Kalangan Murid Sekolah | 5 Julai 2000 |
| 26 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin di Sekolah | 19 Julai 2001 |
| 27 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2001: Peringatan Mengenai Pengaruh Negatif Cybercafe dan Pusat Permainan Video Terhadap Murid-murid Sekolah | 6 Jun 2001 |
| 28 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2001: Penglibatan Pelajar Dengan Kegiatan Negatif | 23 Julai 2001 |
| 29 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001: Semua Guru Adalah Guru Disiplin | 24 September 2001 |
| 30 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2002: Pelaksanaan Program Sekolah Selamat | 14 Jun 2002 |
| 31 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003: Kuasa Guru Merotan Murid | 29 Oktober 2003 |
| 32 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2004: Penggunaan Buku Log Bagi Memantau Laku Musnah (Vandalisme) Dalam Kalangan Murid-murid Sekolah | 29 Oktober 2003 |
| 33 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2004: Memperkasakan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah | 11 Mac 2004 |

| | | |
|----|---|------------------|
| 34 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2005: Garis Panduan Penggunaan Telefon Bimbit oleh Murid Sekolah | 23 Disember 2005 |
| 35 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2006: Pembatalan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2005: Garis Panduan Penggunaan Telefon Bimbit oleh Murid Sekolah Bertarikh 23 Disember 2005 | 20 Januari 2006 |
| 36 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2006: Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah di Semua Sekolah Rendah dan Menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan | 30 Mei 2006 |
| 37 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2009: Penguatkuasaan Larangan Membawa dan Menggunakan Telefon Bimbit oleh Murid Sekolah | 25 Mac 2009 |
| 38 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2010: Pelaksanaan Ujian Urin Murid Sekolah | 8 Februari 2010 |
| 39 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2010: Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah | 29 Julai 2010 |
| 40 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2011: Peraturan Berkenaan Rambut dan Pemakaian Steel Bangle (KARA) oleh Murid-murid Keturunan Sikh | 27 April 2011 |
| 41 | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/ 2011: Pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) 1: 3: 7 Pelaporan dan Menangani Isu Disiplin Murid | Jun 2011 |

Seterusnya, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang berkaitan dengan hukuman sebat dengan rotan ringan jika disabitkan dengan kesalahan disiplin. Hukuman sebat dengan rotan ringan adalah satu bentuk perintah yang terdapat dibawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), yang mana diimplemenkan di dalam sistem disiplin sekolah (Siti Amalina & Wan Yusnee 2017).

Objektif asal bagi Akta 611 dan peraturan sekolah untuk pelajar di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012) adalah menggariskan tujuan sebatan dengan rotan ringan sebagai suatu mekanisma pentarbiahan atau pendidikan. Manakala jenis kesalahan yang boleh dikenakan sebatan dengan rotan ringan adalah kesalahan yang melibatkan kesalahan serius seperti rogol dan kesalahan mengedar atau memiliki dadah berbahaya. Kesalahan seperti menjadi bohsia atau bohjan, mencabul kehormatan guru atau murid dan menulis atau mengeluarkan kenyataan akhbar, boleh mencemarkan kredibiliti sesebuah sekolah juga boleh dikenakan perintah sebatan dengan rotan ringan bertepatan dengan Akta Kanak-Kanak 2001.

Perundangan di sekolah juga menggariskan pemeringkatan hukuman bagi setiap kesalahan. Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), telah menggariskan kesalahan kepada tiga kategori iaitu kesalahan berat, kesalahan sederhana dan ringan. Pelajar yang terlibat dalam mana-mana kesalahan kesalahan daripada jenis kesalahan berat lebih diutamakan menerima hukuman sebat dengan rotan ringan. Contohnya, terbabit dengan kegiatan dadah, meminum

minuman keras dan melakukan perjudian. Pengulangan buata kali ketiga bagi kesalahan sederhana seperti kesalahan keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran, turt tersenarai di bawah kategori kesalahan berat.

Hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pelajar yang mengulangi kesalahan yang sama adalah sangat wajar. Ini kerana, pelajar tersebut tidak mengambil peluang untuk memperbaiki diri malah mengulangi kesalahan yang sama buat kesekian kalinya. Pihak lembaga disiplin sekolah perlu mengambil tindakan yang bijak semasa berhadapan dengan situasi sebegini (Siti Amalina & Wan Yusnee 2017).

Oleh itu dengan adanya pemeraksanaan undang-undang yang dijalankan oleh KPM maka, gaya hidup harmoni di Institusi-Institusi pedidikan khususnya di sekolah dapat direlisasikan.

KONVESYEN HAK ASASI KANAK-KANAK

Dunia kanak-kanak sepatutnya dilalui dengan penuh riang dan ceria. Seiring usia yang masih mentah dan jiwa mereka yang putih bersih, kanak-kanak berhak menikmati kehidupan indah danmenggembirakan. Kanak-kanak perlu mendapat pembelaan yang sewajarnya oleh anggota masyarakat bagi memberi peluang kepada mereka untuk berkembang potensi secara menyeluruh dan seimbang.

Konvensyen hak kanak-kanak atau child right convention (CRC) merupakan perjanjian antarabangsa yang mengenalpasti hak kemanusiaan kanak-kanak, iaitu seseorang yang berumur sehingga 18 tahun. Konvensyen hak kanak-kanak ini telah dipersetujui melalui undian sepakat negara-negara ketika berlangsungnya Persidangan Umum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 November 1989. Ia merupakan dokumen hak kemanusiaan yang diterima di seluruh dunia. Konvensyen ini mengandungi 54 artikel dan dua protokol pilihan. Ia juga menerangkan hak-hak kemanusiaan asas bagi semua kanak-kanak termasuklah hak untuk meneruskan kehidupan dengan sihat dan sejahtera, hak untuk berkembang membesar dengan sepenuhnya, hak untuk dilindungi daripada pengaruh yang memudaratkan, penderaan dan eksploitasi dan untuk melibatkan diri sepenuhnya di dalam kehidupan keluarga, budaya dan sosial.

Selain itu, negara Malaysia telah terima pakai CRC kecuali mengekalkan reservasi terhadap Fasal 1, 2, 7, 13, 14, 15, 28 (1) (a) dan 37 kerana bertentangan dengan dasar, undang-undang dan amalan negara kita (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2019). Menurut CRC, hak utama kanak-kanak yang harus dilindungi adalah hak untuk hidup, hak memperoleh perlindungan, hak berkembang dan hak penyertaan.

Bagi memastikan mereka tidak terabai di dalam arus kehidupan masa kini yang penuh cabaran, hak asasi kanak-kanak perlu dihormati dan dilindungi dalam aspek yang berikut penjagaan, pendidikan, kemudahan asas, advokasi, perundangan, pekerjaan dan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Konvensyen ini percaya bahawa hak kanak-kanak ini diwujudkan tidak kira di mana mereka dilahirkan, kumpulan etnik mereka, samada mereka lelaki ataupun perempuan, kaya atau miskin mereka semua mempunyai peluang untuk menjadi ahli masyarakat yang produktif dan berhak untuk bersuara dan diberi perhatian. Konvensyen ini diwujudkan untuk melindungi hak kanak-kanak yang paling asas, termasuklah hak mereka terhadap identiti, penjagaan kesihatan, pendidikan, tempat tinggal, keselamatan dan perlindungan khas ketika berlakunya peperangan.

Tambahan lagi hak kanak-kanak juga boleh diklasifikasikan kepada beberapa hak secara khusus iaitu hak untuk dilahirkan, untuk mempunyai nama dan kewarganegaraan, hak untuk mempunyai keluarga yang akan menjaga dan menyayangi, hak untuk tinggal di dalam komuniti dan persekitaran yang aman dan damai, hak untuk mempunyai makanan yang mencukupi dan tubuh badan yang aktif dan sihat, hak untuk mendapatkan pendidikan yang baik dan membentuk potensi diri, hak untuk diberi peluang untuk bermain dan beriadah, hak untuk dilindungi daripada penderaan, eksploitasi, kecuaiian, keganasan dan bahaya, hak untuk dipertahankan dan diberi bantuan oleh kerajaan dan hak untuk berupaya mengekspresi pandangan sendiri.

Terdapat Perkara yang berkaitan dengan batasan hukuman rotan telah di nyatakan menurut perkara 37: Negara-Negara Pihak hendaklah memastikan bahawa:

- a. Tiada kanak-kanak boleh tertakluk kepada penyeksaan atau layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah. Tiada hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup tanpa kemungkinan untuk dilepaskan boleh dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan oleh orang yang di bawah umur lapan belas tahun;
- b. Tiada kanak-kanak boleh dilucuthakkan kebebasannya dengan menyalahi undang-undang atau secara sewenang-wenangnya. Penangkapan, penahanan atau pemenjaraan kanak-kanak hendaklah menepati undang-undang dan hendaklah digunakan hanya sebagai langkah terakhir dan untuk tempoh masa yang paling sesuai yang paling singkat;
- c. Tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasan hendaklah dilayan dengan perikemanusiaan dan dengan hormat bagi maruah diri manusia yang sedia ada, dan mengikut cara yang mengambil kira keperluan orang yang sama umur dengannya. Secara khusus, tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasan hendaklah dipisahkan daripada orang dewasa melainkan jika ia disifatkan demi kepentingan terbaik kanak-kanak itu untuk tidak berbuat demikian dan hendaklah mempunyai hak untuk mengekalkan perhubungan dengan keluarganya melalui surat-menyurat dan lawatan kecuali dalam hal keadaan yang luar biasa;
- d. Tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasannya hendaklah mempunyai hak untuk akses yang cepat kepada bantuan guaman dan bantuan sesuai yang lain serta hak untuk mencabar kesahan pelucuthakkan kebebasannya di hadapan mahkamah atau pihak berkuasa lain yang berwibawa, bebas dan saksama, dan kepada keputusan yang cepat mengenai apa-apa tindakan yang sedemikian.

CRC dan Hukuman Rotan

Bagi menjamin hak kanak-kanak, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menerima pakai beberapa ketetapan dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak pada 20 November 1989. Konvensyen ini mengandungi 54 perkara yang mengkhususkan kepentingan dan hak kanak-kanak di dunia. Antara hak yang terdapat dalam konvensyen tersebut adalah hak untuk hidup, hak untuk membangun peribadi melalui pelajaran, hak untuk dilindungi daripada semua jenis penganiayaan dan hak untuk mengambil bahagian. Malaysia sendiri telah menerima konvensyen ini pada tahun 1995 berserta beberapa reservasi. Antara perkara yang tidak diterima pakai di Malaysia adalah perkara 1 (takrifan anak), 2 (prinsip tidak mendiskriminasi), 7 (nama dan kerakyatan), 13 (kebebasan bercakap), 14 (kebebasan berfikir

dan beragama), 15 (kebebasan berserikat), 28 (1)(a) (pendidikan rendah diwajibkan dan dijadikan percuma kepada semua) dan 37 (negara-negara pihak hendaklah memastikan bahawa tiada kanak-kanak boleh tertakluk kepada penyeksaan atau layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah).

Pada tahun 2001, iaitu pada persidangan kali ke-26, Jawatankuasa Hak Kanak-kanak telah mengeluarkan kenyataan umum berkait dengan perkara ke 29 (1) yang berhubung dengan pendidikan kanak-kanak haruslah dihalatujukan kepada perkembangan dari segi personaliti, bakat, kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak pada tahap potensi yang paling tinggi. Sehubungan dengan itu, kenyataan umum dikeluarkan sebagaimana berikut:

“Children do not lose their human rights by virtue of passing through the school gates. Thus, for example, education must be provided in a way that respects the inherent dignity of the child and enables the child to express his or her views freely in accordance with article 12(1) and to participate in school life. Education must also be provided in a way that respect the strict limits on discipline reflected in article 28 (2) and promotes non-violence in school. The Committee has repeatedly made clear in its concluding observations that the use of corporal punishment does not respect the inherent dignity of the child nor the strict limits on schools be child-friendly in the fullest sense of the term and that they be consistent in all respect with the dignity of the child.” (United Nations Human Rights The Office of The High Commissioner 2001).

Berdasarkan kenyataan di atas, jelaslah bahawa perkara yang terkandung dalam Perkara 29 adalah menunjukkan bahawa matlamat pendidikan yang menggalakkan dan menjamin perkembangan rasa hormat bagi hak asasi manusia. Perkara ini juga menggesa supaya bersifat mesra terhadap pelajar dalam pendidikan dan pemerkasaan proses pendidikan berdasarkan kepada prinsip yang telah digariskan. Proses pendidikan yang dimaksudkan bukan terhadap kepada kandungan kurikulum pelajar sahaja akan tetapi merangkumi kaedah pedagogi dan suasana pembelajaran berjalan (United Nations Human Rights The Office of The High Commissioner 2001). Oleh itu, Jawatankuasa Hak Kanak-kanak ini telah menegaskan bahawa disiplin di sekolah mestilah ditadbir urus mengikut cara yang selaras dengan kemuliaan dan keperibadian kanak-kanak.

Dalam hal sebegini, hukuman dera (*corporal punishment*) dilihat sebagai salah satu bentuk tindakan yang tidak menghormati kemuliaan dan kehormatan kanak-kanak serta pendekatan seperti ini bersifat tidak mesra pelajar.

Kesan daripada kenyataan yang dikeluarkan daripada Perkara 29, sebanyak 117 buah negara di dunia ini telah mengharamkan pelaksanaan hukuman dera terhadap kanak-kanak di sekolah. Walau bagaimanapun, Malaysia salah satu negara yang masih meneruskan pelaksanaannya dengan menambahbaik garis panduan pelaksanaan dari masa ke semasa sepertimana yang terdapat dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003.

Pada tahun 2015, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mencadangkan bahawa hukuman rotan daripada ibu bapa ke atas anak-anak sebagai suatu kesalahan yang berbentuk jenayah. Menurut beliau lagi, walaupun hukuman rotan merupakan sebahagian daripada budaya masyarakat Malaysia, kerajaan perlu akur dengan Konvensyen

Hak Kanak-kanak yang memandang serius perkara tersebut (Zulkifli Sainuddin 2015). Akan tetapi, cadangan ini mendapat bantahan daripada segenap lapisan masyarakat yang terdiri daripada mufti, tokoh masyarakat (Anon 2015), ahli politik (Berita Harian 2015), persatuan guru (Anon 2015) dan sebagainya. Akhirnya, setelah mengambil kira pelbagai pandangan, akhbar melaporkan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan rotan anak sebagai satu kesalahan jenayah sebagaimana yang telah dicadangkan (Anon 2015).

Walaupun Malaysia tidak menerima pakai larangan pelaksanaan hukuman dera seperti rotan ke atas kanak-kanak dan pelajar, masyarakat Malaysia hari ini didapati lebih peka dan sensitif terhadap pelaksanaan hukuman ini. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Zainudin & Jani (2010), berkenaan persepsi ibu bapa terhadap hukuman rotan mendapati bahawa sebanyak 60% ibu bapa di sekolah yang dikaji bersetuju bahawa guru sepatutnya dibenarkan merotan pelajar bagi tujuan disiplin dan hukuman merotan itu boleh mengurangkan masalah disiplin. Sebanyak 68.1% ibu bapa bersetuju bahawa hukuman rotan masih sesuai dilaksanakan kesalahan berat tertentu dan 73.4% ibu bapa juga bersetuju bahawa hukuman rotan boleh dilakukan asalkan tidak mendatangkan sebarang kecederaan. Namun, terdapat 80.9% ibu bapa yang berpandangan bahawa garis panduan khusus diperlukan bagi hukuman merotan pelajar.

Jelaslah bahawa dalam aspek mendisiplinkan anak-anak dan pelajar, pendekatan yang di amalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu dan masyarakat Malaysia melalui KPM dilihat seimbang dan sederhana. Hukuman rotan telah diterima baik dalam budaya masyarakat sebagai salah satu kaedah mendisiplinkan atau mendidik pelajar. Hukuman rotan ini juga masih diterima sehingga kini dan dilaksanakan di peringkat sekolah bagi menangani masalah disiplin pelajar dengan garis panduan tertentu (Berita Harian, 15 November 2017).

Undang-undang Pelaksanaan Hukuman Rotan di Sekolah Kementerian

Bagi melaksanakan tindakan atau hukuman rotan terhadap para pelajar, terdapat undang-undang dan peraturan disiplin yang menjadi rujukan utama, iaitu (James Ang Jit Eng, 2011):

1. Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, iaitu peraturan yang dibuat berdasarkan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 116, Ordinan Pelajaran 1957.

Secara keseluruhannya, peraturan ini merupakan akta induk yang masih kekal dalam mengawal selia proses merotan terhadap pelajar. Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 di bawah Ordinan Pelajaran 1957 menyatakan:

Bagi perkara 4 peraturan pelajaran, Guru Besar sesebuah sekolah adalah bertanggungjawab atas disiplin sekolah dan bagi maksud itu hendaklah mempunyai kuasa ke atas Guru-Guru dan murid-murid sekolah itu. Ini bermaksud guru besar perlulah bertanggungjawab di atas segala tindakan dan perilaku guru dan murid.

Selain itu, di antara kuasa-kuasa Guru Besar telah dinyatakan dalam perkara 5 iaitu:

- (1) Bagi maksud menjaga disiplin di kalangan murid-murid, Guru Besar hendaklah mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang biasa sebagaimana perlu atau bermanfaat: Dengan syarat bahawa –
 - (a) hukuman dera kepada murid-murid perempuan adalah dilarang : dan
 - (b) hukuman dera kepada murid-murid lelaki oleh seseorang Guru atau lain-lain kakitangan sekolah adalah dihadkan kepada merotan dengan rotan yang ringan ditapak tangan ataupun dipunggung yang berlapis dengan pakaian dan hendaklah dijalankan hanya oleh Guru Besar ataupun dengan kuasa nyata yang diberi olehnya dalam hal yang tertentu.
- (2) Satu rekod mengandungi semua hukuman yang dijalankan di bawah perenggan hendaklah disimpan secara sulit mengikut bentuk yang diluluskan oleh Pendaftar.

Akan tetapi jika Guru Besar sekolah berkenaan tiada perwakilan kuasa oleh Guru Besar boleh dilihat menurut perkara 6 yang menyatakan Guru Besar sesebuah sekolah boleh dari semasa ke semasa, tertakluk kepada apa-apa syarat dan hal yang difikirkannya patut, mewakili kuasa disiplin sekolah dan kuasa menjalankan hukum kepada Guru-Guru lain di sekolah itu atau kepada murid-murid yang ditetapkan olehnya bagi maksud itu, tetapi kecuali yang disebut di atas tidak seorang pun Guru atau murid boleh menjalankan kuasa itu melainkan dengan arahan tertentu. Dengan syarat bahawa kuasa menjalankan hukuman dera tidak boleh diwakilkan kepada mana-mana orang selain daripada guru berdaftar.

2. Buku-buku panduan pengurusan disiplin yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain itu, dalam menguruskan disiplin di sekolah terdapat garis panduan yang telah diterbitkan melalui buku-buku panduan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai menghuraikan Peraturan 1959 dalam bentuk operasi. Buku-buku ini diterbitkan agar menjadi panduan terhadap pentadbir sekolah, guru-guru, murid-murid, malah ada yang dikhususkan untuk ibu bapa. Buku yang telah diterbitkan untuk tujuan ini ialah sebagaimana berikut (James Ang Jit Eng, 2011):

- a. Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah (1981)
- b. Panduan Bagi Ibu Bapa Mengenai Disiplin Murid-Murid Sekolah (1982)
- c. Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru (1983)
- d. Panduan Disiplin untuk Pelajar-pelajar (1988)
- e. Panduan Bagi Mengatasi Masalah Ponteng (1994)
- f. Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah (2005)

3. Surat-surat Pekeliling Ikhtisas Bil 4 1996 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia secara berkala terdapat di dalam Senarai Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia (Mohd. Ismail Othman, 2008). Dalam surat pekeling tersebut menyatakan bahawa Pengetua dan Guru Besar adalah orang yang bertanggungjawab ke atas disiplin serta mempunyai kuasa ke atas guru-guru dan murid-murid. Di dalam melaksanakan kuasa disiplin, undang-undang telah meletakkan kuasa mutlak kepada Pengetua dan Guru Besar untuk memilih hukuman yang sesuai setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, adil dan tegas. Hukuman hendaklah dikenakan supaya dapat memberi kesan mencegah bukan sahaja kepada mereka yang melakukan kesalahan itu sendiri supaya mereka tidak mengulangi kesalahan ini, tetapi juga kepada mereka yang berkemungkinan melakukan kesalahan yang serupa.

Berdasarkan peruntukan yang dibincangkan di atas, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa guru besar atau pengetua adalah orang yang telah dipertanggungjawabkan dalam urusan pelaksanaan hukuman terhadap murid. Namun begitu, perpindahan kuasa boleh dibuat oleh guru besar atau pengetua kepada guru-guru lain yang telah dilantik dan guru yang diberi tanggungjawab itu mestilah mengetahui tatacara yang telah ditetapkan dan surat penurunan kuasa juga hendaklah dikeluarkan kepada guru tersebut. Perkara ini jelas dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, di bawah Ordinan Pelajaran 1957, sebagaimana yang telah dibincangkan di atas.

Menurut seksyen 91 (g) Akta Kanak-kanak 2001, Kanak-kanak lelaki berumur 10 hingga 18 tahun boleh dikenakan hukuman sebat dengan menggunakan 'rotan ringan', yang panjang rotan tersebut kurang dari 0.5 inci atau 12mm dan bilangan sebatan adalah tidak lebih dari 10 kali sebatan. Seksyen 92 (b), dalam akta yang sama, perotan perlu mengenakan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya lebih daripada kepalnya supaya tidak melukakan kulit murid yang dirotan (James Ang Jit Eng 2011). Berdasarkan peruntukan diatas, pelaksanaan hukuman rotan telah dijelaskan dalam Peraturan 5 Ordinan Pelajaran 1957 iaitu terdapat larangan hukuman rotan terhadap pelajar perempuan dan jika hukuman itu dikenakan keatas pelajar lelaki adalah dihadkan hukuman rotan tersebut dengan rotan yang ringan di tapak tangan atau pun di puggung yang berlapis dengan pakaian. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan hukuman rotan di khalayak ramai sama ada di perhimpunan atau di bilik-bilik darjah yang mana berlangsungnya proses pembelajaran dan pembelajaran adalah dilarang (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003).

Selepas hukuman dijalankan, guru besar atau pengetua perlu mencatat hukuman yang dikenakan dan merekod jenis kesalahan salah laku yang dilakukan, bilangan sebatan, bahagian anggota yang dirotan, nama dan tandatangan perotan berserta saksi semasa hukuman rotan dijalankan (Peraturan-peraturan Pelajaran 1959) dan rekod tersebut hendaklah disimpan secara sulit.

Kesimpulan

Kesimpulannya, keperluan perundangan dalam mendisiplinkan pelajar khususnya pelajar sekolah Tahfiz dengan menggunakan rotan amatlah penting. Undang-undang tersebut akan menjadi rujukan dan panduan jika berlaku sebarang musibah terhadap pelajar berkenaan. Ini

kerana, jika terdapat penyalahgunaan rotan dalam mendisiplinkan pelajar sehingga menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi terdapat undang-undang yang boleh dirujuk serta tindakan dapat di ambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab.

Rujukan

- Abdullah Sani Yahaya. 2005. *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Ahmad Abu. 1997. *Hukuman Rotan*. Kuala Lumpur: Penerbit Mikamas.
- Akta Kanak-Kanak 2001 (Malaysia) (Akta 611)
- Anon. 2015. Cadangan Jadikan Merotan Kesalahan Jenayah Tidak Relevan. *Berita Harian*, 27 Januari: 1.
- Anon. 2015. Kerajaan Tidak Bercadang Jadikan Rotan Anak Sebagai Jenayah. *Kosmo*, 17 Mac: 16.
- Benbenishty, R. & Astor, R.A. 2005. *School Violence In Context: Culture, Neighbourhood, Family, School And Gender*. New York: Oxford University Press.
- Eng, James Ang Jit. 2011. *Pengurusan Disiplin Murid*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Englander, M. E. 1987. *The Strategies For Classroom Discipline*. New York: Praeger Publishers.
- al-Ghazali. 1998. *Ihya 'Ulum al-Din*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Hasnan Kasan. 2008. *Ahlak Pelajar Cemerlang*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- Hsia, Chia Siew. 2009. *Persepsi Ibu Bapa Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 SMK Taman Universti 2 Terhadap Hukuman Merotan Keatas Masalah Disiplin*. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Malaysia.
- Hukuman Rotan Lebih Banyak Mendatangkan Kebaikan Daripada Keburukan. <http://perbayu.dss.blogspot.com/2008/11/hukuman-rotan-lebih-banyak-mendatangkan.html> (diakses pada 9 Oktober 2019).
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 2019. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia 2012
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1959. Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 Kuasa Guru Merotan Murid.
- Keng, Chiam Heng. 2008. *Dasar Pendidikan dan Pelaksanaan Hak Kanak-kanak di Sekolah. Simposium Hak Kanak-kanak: Menjana Pemikiran*. Kuala Lumpur: t.p.
- Kesatuan Guru Tidak Sokong Cadangan Rotan Anak Satu Kesalahan Jenayah. <https://ikimfm.my/kesatuan-guru-tidak-sokongcadangan-rotan-anak-satu-kesalahan-jenayah/> (diakses pada 10 Oktober 2019).
- Khalim Zainal. 2004. A Comparison Of The Penalty System Program And The Convetional Program In Managing Discipline Of The Secondary School Students In Malaysia. Unpublished Doctoral Thesis. Universiti Putra Malaysia, Selangor Malaysia.

- Konvensyen Hak asasi Kanak-Kanak 1995
- Laporan Hak Asasi Manusia 2011.
- Mohd Azrone Sarabatin et al. 2017. Hukuman Rotan Kekal Dasar Kementerian Pendidikan. *Berita Harian*, 15 November.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Simin Ghavifekr Husaina Banu Kenayatullah & Mokhtar Muhamad. 2014. *Pengurusan Disiplin Murid di Sekolah Kawasan Bandar dan Luar Bandar: Perspektif Pemimpin Sekolah*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. 1: 7-40
- Mohd Husni Mohd Nor. 2017. 402 Sekolah Kementerian Pendidikan Sudah Tubuh Jawatankuasa Bertindak. *Harian Metro*, 22 Jun.
- Mohd Ismail Othman. 2008. *Undang-undang untuk Pengetua dan Guru Besar*. Kuala Lumpur:PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Zarina A Rashid. 2017. *Peraturan Dan Undang-Undang Kawalan Disiplin Murid Di Malaysia*. Malaysian Online Journal of Education 1: 1-11.
- Peraturan-peraturan (Disiplin Sekolah) 1959
- Persepsi Ibu Bapa Terhadap Hukuman Merotan Ke atas Pelajar Yang Melaukan Kesalahan Disiplin Di SMK Ulu Tiram, Johor Bahru. <http://eprints.utm.my/id/eprint/11339/> (di akses pada 7 Oktober 2019).
- Profil remaja perempuan risiko tinggi. http://ms.wikipedia.org/wiki/Kajian_profil_remaja_perempuan_risiko_tinggi_-UKM (diakses pada 10 Oktober 2019).
- Rahmah Hamin. 2006. *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Hukuman Ke atas Pelajar Yang Melakukan Kesalahan Disiplin Di Sekolah Agama Kerajaan Johor*. Tesis Sarjana Muda Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Johor Malaysia.
- Rotan Tindakan Terakhir Terhadap Pelajar. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rotan-tindakan-terakhir-terhadap-pelajar-kamalanathan-171112> (diakses pada 9 Oktober 2019)
- Schoolwide and Classroom Discipline. <https://educationnorthwest.org/sites/default/files/SchoolwideandClassroomDiscipline.pdf> (diakses pada 10 Oktober 2019).
- Siti Amalina Ahmad Khairundin & Wan Yusnee. 2017. Sebatan: Warisan Pendidikan Islam. *National Pre University Seminar 2017*. Universiti Selangor (UNISEL), Selangor.
- Tai, Liong Lian. 2005. Masalah disiplin murid di salah sebuah sekolah rendah luar bandar di daerah Sarikei 2005. *Seminar Penyelidikan Pendidikan 2006*. Penyelidikan Pendidikan ke Arah Pemantapan Proses Pengajaran dan Pembelajaran 9-11 Oktober 2006. Institut Perguruan Rajang, Sarawak.
- The Aims of Educations. [https://www.ohchr.org/EN/Issues/Education/Training/Compilation/Pages/a\)GeneralCommentNo1TheAimsofEducation\(article29\)\(2001\).aspx](https://www.ohchr.org/EN/Issues/Education/Training/Compilation/Pages/a)GeneralCommentNo1TheAimsofEducation(article29)(2001).aspx) (diakses pada 10 Oktober 2019).
- Walker, P. 2014. C. J. Russo, I. J. O. Oosthuizen & C.C. Wolhuter (pnyt.). *Best Practices for Student Misconduct on Six Continents*. New York: Littlefield and Rowman.
- Zulkifli Sainuddin. 2015. Rotan Anak Bakal Jadi Kesalahan Jenayah. *Utusan Malaysia*, 24 Januari: 5.